

SEJAUH MANAKAH PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PRESTASI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) DAN CADANGAN STRATEGI YANG BOLEH DILAKSANAKAN BAGI MEMANTAPKAN ASPEK PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI KALANGAN PPPT

SEJAUH MANAKAH PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PRESTASI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) DAN CADANGAN STRATEGI YANG BOLEH DILAKSANAKAN BAGI MEMANTAPKAN ASPEK PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI KALANGAN PPPT

**Suzanah Binti Hashim
Fatimah Binti Hussein
Rosli Bin**

Politeknik Johor Bahru

Abstract

This paper examined the influence of performance appraisal for education staff for improving their achievement. This paper also discuss about the strategy for higher institution to improve the performance of the education staff.

Key word: performance appraisal, recognition, achievement for higher education staff

I. INTRODUCTION

Perubahan dalam senario ekonomi global semasa daripada ekonomi berdasarkan pengeluaran kepada ekonomi berdasarkan pengetahuan (k-ekonomi), memaksa satu perubahan yang dasar dalam perancangan ekonomi Malaysia supaya mencapai matlamat sebagai negara yang berdasarkan kepada ilmu pengetahuan. Untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam aliran perubahan ini Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) telah digubal memfokaskan kepada pembangunan modal insan kelas pertama yang holistik. RMK9 menggariskan tiga aspek penting dalam pembangunan modal insan. Pertama, modal insan yang holistic, Kedua, pembangunan intelektual dan institusi ilmu. Ketiga, pengukuhan keupayaan sains, R&D dan inovasi.

Misi Nasional ini meletakkan tanggungjawab untuk memcapai matlamat ini menjadi satu cabaran kepada semua institusi ilmu bagi melahirkan modal insan kelas pertama. Institusi ilmu juga dilihat sebagai ajen perubahan untuk mermastikan perubahan kepada K-ekonomi berlaku dan tercapai. Cabaran ini telah menuntut satu transformasi di dalam institusi pendidikan tinggi negara.

Selaras dengan itu IPT mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan output yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan pencapaian aspirasi nasional. PSPTN telah menggariskan tujuh teras strategik. Seiring dengan misi nasional untuk membangunkan negara dalam model ekonomi baru dan selaras dengan inisiatif PSPTN, politeknik juga perlu diperkasakan dengan trasformasi tersebut yang berteraskan pemerkasaan politeknik, pembangunan program dan penyelidikan dalam bidang tujuan, pemerkasaan warga politeknik dengan pengetahuan dan pembinaan imej dan budaya kerja cemerlang.

Dalam teras ketiga pelan transformasi politeknik memperkasakan warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi. Diantara inisiatif khusus yang akan dilaksanakan adalah mengukuhkan profesionalisme pensyarah melalui pelaksanaan kenaikan pangkat mengikut criteria kecemerlangan perkhidmatan. Diantara criteria kecemerlangan tersebut adalah menetapkan penerbitan dan pembentangan kertas kerja .

1. Persoalannya, sejauh manakah penerbitan dan pembentangan kertas kerja dapat membantu

meningkatkan lagi prestasi kerja warga politeknik

II. LITERATURE REVIEW

Proses-proses semasa membina kertas kerja dan hasil dapatkan kertas kerja memang banyak memberikan impak positif. Kesan positif penerbitan dan pembentangan kertas kerja ke atas prestasi kerja Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Tinggi (PPPT) boleh dilihat daripada dua aspek iaitu kesan proses penerbitan dan pembentangan terhadap prestasi individu itu sendiri dan kesan daripada hasil dapatan kertas kerja tersebut.

Definisi Konsep Dan Skop

Mengikut kamus dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), penerbitan berasal dari perkataan terbit yang bermaksud keluar atau sebar. Penerbitan membawa makna sebarang penyebaran dan pengeluaran maklumat untuk disampaikan kepada umum dan tidak melibatkan proses-proses yang lain. Merujuk kepada Istilah dan Terminologi di dalam Kriteria Kenaikan Pangkat yang diedarkan oleh Jabatan Pengajian Politeknik, penerbitan bermaksud persembahan atau pembentangan dalam bentuk bahan cetak atau bahan visual yang bersesuaian dengan fungsi bahan dan audiens. Walaupun definisi kedua-duanya mempunyai maksud yang sama tetapi konsepnya sangat berbeza. Penulisan dan penerbitan dari perspektif kriteria kecemerlangan staf politeknik tidak boleh dipisahkan kerana penerbitan yang diambil kira meritnya hanyalah yang terhasil daripada kerja penulis itu sendiri. Dalam arti kata lain penerbitan mencakupi proses penulisan dan pembentangan yang melibatkan aktiviti berbahasa dalam mempersembahkan buah fikiran, idea, pandangan dan maklumat terhadap sesuatu tajuk. Kertas kerja adalah penulisan bahan ilmiah samada dalam bentuk penerbitan hasil penyelidikan atau kajian, artikel, jurnal ilmiah, laporan teknikal dalam bidang yang diterbitkan hasil daripada jaringan atau kolaborasi.

Skop penulisan dan penerbitan pula diberikan keutamaan kepada penulisan ilmiah dalam bidang pengkhususan yang terdapat di politeknik dan juga bidang umum

yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab pegawai. Terdapat pelbagai

bentuk dan jenis penerbitan yang telah klasifikasikan kepada empat kategori iaitu buku, kertas kerja, aplikasi dan penulisan kreatif.

Tujuan utama kriteria kecemerlangan itu pula adalah untuk menyebarluaskan ilmu kepada warga kerja lain di dalam organisasi dan dapat memberikan penambahbaikan kepada organisasi.

Peningkatan Prestasi PPPT Dari Aspek Proses Penghasilan Kertas Kerja

Proses pendidikan formal bermula dengan belajar membaca dahulu dan diikuti dengan menulis. Anak-anak prasekolah akan merasa bangga sekiranya pandai membunyikan huruf-huruf kemudian menulisnya dengan cantik. Apabila diberikan gred 'A' oleh guru dan ditambah pula dengan tanda baik, mereka akan merasa sangat teruja dan akan mempamerkan hasil tulisan tangannya kepada semua ahli keluarga, malah turut ditunjukkan kepada tetamu yang datang. Analogi ini samalah dengan permasalahan yang dibincangkan. Pegawai-pegawai di politeknik perlu banyak membaca untuk meningkatkan ilmu, setelah mantap hasil pembacaan barulah berani menulis dan sekiranya hasil penulisan adalah berkualiti maka tidak teragak-agak untuk dipamerkan dalam bentuk penerbitan atau pembentangan. Proses penullisan kertas kerja banyak menyumbang kepada peningkatan ciri profesionalisme pegawai.

Peningkatan Keyakinan Diri

Penerbitan dan pembentangan membantu meningkatkan keyakinan diri individu. Penerbitan selalunya lahir daripada keyakinan individu terhadap hasil penulisannya. Ianya sangat berkait rapat dengan kompetensi pegawai tersebut di dalam bidang yang dipeloporinya (Ghazally, 2009). Sekiranya penulisan tersebut berkualiti dan berasaskan kajian yang betul, maka individu tersebut tidak teragak-agak untuk mendedahkan hasil dapatan atau kajian kepada pengetahuan umum.

Peningkatan Kompetensi dan Ilmu

SEJAUH MANAKAH PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PRESTASI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) DAN CADANGAN STRATEGI YANG BOLEH DILAKUKAN BAGI MEMANTAPKAN ASPEK PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI KALANGAN PPPT

Kompetensi pula terhasil daripada kematangan ilmu yang dimiliki oleh individu tersebut. Kematangan ilmu akan berlaku melalui tiga proses utama iaitu, proses menimba ilmu melalui latihan, pembacaan dan penakulan. Kedua adalah proses menterjemahkan idea dan fakta ilmu di dalam bentuk tulisan. Dan ketiga melalui proses perbincangan dan kritikan ilmiah terhadap hasil tangan yang dikeluarkan (Hairul, 2009). Dalam bahasa yang mudah, kematangan ilmu diperolehi daripada membaca, menulis dan membentangkannya. Pemantapan ilmu adalah satu proses yang dinamik terhasil daripada sifat individu yang sentiasa cuba meningkatkan pengetahuan mengikut perubahan masa dan keperluan terkini melalui pembacaan, pengamatan, penganalisaan dan perbincangan dengan rakan sekerja. Kematangan ilmu hanya tercapai melalui proses pembelajaran sepanjang hayat yang menjamin transformasi yang berterusan.

Peningkatan Pemikiran Kritis dan kreatif

Proses penulisan kertas kerja adalah satu mekanisme yang merangsang pemikiran analitik, kritis dan kreatif. Ianya mendorong pegawai membuat penyiasatan, pengamatan, penilaian dan analisa ke atas pengalaman-pengalaman atau isu-isu lampau dalam proses mencari penyelesaian terhadap permasalahan atau membentuk strategi dalam menangani perubahan semasa secara logik (Richert, 1990). Dalam masa yang sama individu harus membangunkan idea dengan merancang pola atau cara yang terbaik untuk menyusun hasil dapatannya untuk membentuk satu pandangan secara logik supaya mudah diterima dan difahami oleh audiens.

Proses penulisan secara keseluruhan menggambarkan satu pola pemikiran yang boleh meningkatkan kemahiran kognitif pegawai untuk berfikir secara strategik, menganalisa secara kritikal dan membuat keputusan dengan berhemah dan berlandaskan ilmu. Pemikiran kritis amat penting untuk membentuk warga kerja yang tahu dan mampu menggunakan pemikiran mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran, tekanan dan perubahan manakala pemikiran kreatif dapat membentuk individu lebih inovatif mempunyai daya kreativiti yang

baik, ideal, imaginatif dan mempunyai unsur-unsur humanistik dan artistik yang tinggi. Apabila kedua-dua kemahiran ini dikuasai, ia dapat membantu pegawai meningkatkan lagi prestasi kerja.

Peningkatan Kemahiran berkomunikasi

Penulisan dan pembentangan memerlukan kemahiran berkomunikasi. Penulisan adalah gabungan inspirasi dan pengetahuan yang diterjemahkan ke dalam bentuk bertulis. Pembentangan pula adalah gabungan ispirasi dan pengetahuan yang disampaikan secara lisan dan terus kepada audiens. Sehebat manapun ilmu atau dapatan sesuatu kajian, tidak akan memberikan sebarang impak atau perubahan selagi ianya tidak disampaikan, difahami dan membawa makna kepada umum. Proses penyampaian itu perlu dilakukan dengan tersusun, teratur dan sistematik dengan mengambil kira elemen-elemen yang terdapat pada audiens supaya pemindahan ilmu (*transfer of knowledge*) boleh berlaku dengan lebih mudah.

Peningkatan Prestasi PPPT dari Aspek Hasil Dapatkan Kertas Kerja

Hasil dapatan kertas kerja juga menyumbang kepada peningkatan prestasi pegawai. Melalui penerbitan dan pembentangan, hasil dapatan boleh dikongsi bersama pegawai-pegawai yang lain. Dapatkan kajian mungkin menyumbang kepada penambahan ilmu, penambahbaikan proses atau penemuan-penemuan ide baru atau inovasi. Oleh yang demikian perkongsian dapatan kajian akan memberikan manfaat kepada pegawai-pegawai lain dan institusi.

Percambahan ilmu

Hasil penulisan atau kajian yang dilakukan belum pasti dapat mengubah keadaan yang sedia ada secara mendadak tetapi ia tetap dapat memberi satu sumbangan, walaupun kecil, kepada bidang ilmu dan juga bidang tugas pegawai. Melalui penerbitan dan pembentangan, ilmu tersebut dapat dikongsi bersama rakan sekerja yang lain. Pandangan dan maklumbalas daripada individu yang lain semasa pembentangan mungkin dapat mencetuskan pula ide-ide lain atau menggalakkan lagi kajian-kajian yang lain yang lebih mendalam. Selain daripada itu

hasil dapatkan juga boleh dilihat sebagai satu perspektif baru atau pandangan baru terhadap ilmu, teori dan amalan sedia ada.

Penambahbaikan ke atas sistem sedia ada.

Hasil dapatkan kajian boleh digunakan untuk penambahbaikan daripada amalan-amalan biasa kepada amalan yang lebih baik dan lebih berkesan. Contoh yang sangat praktikal adalah hasil kajian tiindakan. Kajian tindakan adalah satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan prestasi kerja melalui perubahan daripada amalan sedia ada kepada amalan atau pendekatan proses yang lebih mudah dan lebih berkualiti. Ianya menggalakkan penyelesaikan masalah di tempat kerja dengan membuat refleksi bagi mendapatkan idea dan strategi baru dalam usaha membawa pembaharuan dan kemajuan.

Membuat Keputusan Berlandaskan Ilmu

Membuat keputusan ialah memilih satu alternatif penyelesaian yang terbaik daripada beberapa alternatif berdasarkan kriteria tertentu bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, melalui beberapa langkah pelaksanaan berikut: (a) Mengenal pasti matlamat (b) Mengenal pasti alternatif (c) Menganalisis alternatif (d) Menyusun alternatif mengikut keutamaan (e) Memilih sekurang-kurangnya dua alternatif terbaik (f) Menilai alternatif yang dipilih (g) Membuat keputusan. Teknik membuat keputusan tersebut adalah berasaskan kepada ilmu melalui kajian-kajian yang dilaksanakan. Ianya dapat membantu individu membuat keputusan yang tepat dan bijak. Proses keputusan tersebut dapat mengelakkan permasalahan daripada timbul pada masa hadapan dan dapat mengelakkan pembaziran. Proses membuat keputusan berlandaskan ilmu adalah salah satu ciri-ciri profesionalisme dalam menjalankan tanggung jawab dan tugas.

Visibiliti institusi

Profesor Dr. Ghazally Ismail (2009) mengaitkan penerbitan sebagai salah satu cara meningkatkan *visibility* institusi. Ilmu-ilmu dan bahan-bahan penulisan yang dihasilkan oleh warga politeknik perlu di terbitkan supaya masyarakat tahu

pencapaian dan kekuatan politeknik dan tahu akan kewujudan politeknik terutama sekali sekiranya bahan terbitan adalah satu inovasi atau idea baru. *Citation* kepada bahan penulisan juga akan meningkatkan visibiliti institusi. Visibiliti juga akan menaikkan martabat dan imej institusi tersebut, dan secara tak langsung, visibiliti institusi akan memberikan kesan yang positif terhadap staf politeknik tersebut. Lebih banyak bahan-bahan penulisan disebarluaskan kepada umum dan diguna pakai oleh masyarakat umum maka lebih tinggi visibiliti politeknik. Visibiliti juga akan menjadikan politeknik sebagai politeknik pilihan dikalangan calon-calon perlajar.

Kepuasan Diri

Hasil penulisan yang diterbitkan atau yang dibentang memberikan kepuasan intrinsik kepada penulis. Kepuasan yang lahir adalah kerana berjaya menghasilkan penulisan serta berjaya menyiapkan sesuatu kajian atau projek. Apabila hasil tulisannya di terbitkan dan dikongsi bersama orang lain, ianya merupakan kepuasan yang utama kepada penulis. Kepuasan itu pula akan sentiasa berpanjangan apabila hasil tulisan sentiasa dijadikan *citation*. Begitu juga, apabila dapatkan kajian digunakan oleh orang lain atau apabila hasil kajian dapat meningkatkan prestasi dan mutu kerja dan institusi. Puncak kepuasan diri dapat dirasakan apabila kajian-kajian yang baik dan berkualiti diberikan pengiktirafan dan anugerah. Kepuasan diri ini akan memberikan semangat dan galakan untuk terus menulis dan menerbit.

III. RESULT AND DISCUSSION

CADANGAN STRATEGI UNTUK MEMANTAPKAN ASPEK PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DIKALANGAN PEGAWAI

Penulisan dan penerbitan adalah satu fenomena baru di dalam politeknik. Perubahan ini akan mewujudkan satu keadaan yang tidak stabil dikalangan pegawai-pegawai walaupun impaknya sangat besar kepada kewujudan institusi. Membudayakannya pula memerlukan satu pendekatan yang sangat teliti dan strategi yang betul supaya tidak berlaku penolakan

SEJAUH MANAKAH PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PRESTASI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) DAN CADANGAN STRATEGI YANG BOLEH DILAKUKAN BAGI MEMANTAPKAN ASPEK PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI KALANGAN PPPT

yang akan mengugat sistem sedia ada. Pada fasa perletakan asas ini, institusi perlu bertindak sebagai pemudah cara dengan menyediakan peluang-peluang untuk menyemai dan menggalakan budaya menulis dan menerbit dikalangan pegawai-pegawai di politeknik.

Menonjolkan Kejayaan Jangka Pendek (Quick Wins)

Persoalan yang sering timbul dikalangan pegawai-pegawai adalah 'Apa yang hendak ditulis?'. Tanggapan pegawai-pegawai pada peringkat peralihan ini adalah kemestian untuk menerbitkan kertas kajian, penyelidikan dan kertas kerja yang memerlukan usaha yang besar daripada pegawai. Walaupun pada dasarnya itu adalah matlamat institusi tetapi pada fasa membudayakan idea tersebut, pengurusan perlu mengiktiraf dan menghargai inisiatif-inisiatif awal yang dilakukan oleh pegawai-pegawai. Pendekatan awal adalah dengan cara menggalakkan pegawai-pegawai mendokumenkan semua proses-proses, tatacara, prosedur, nota-nota pengajaran dan apa sahaja ilmu, amalan-amalan baik, pengalaman-pengalaman pegawai dalam melaksanakan tugas dan maklumat sedia ada yang terdapat di dalam politeknik. Pada peringkat permulaan, pemberian merit boleh diberikan kepada usaha-usaha mengumpul dan memdokumenkan koleksi maklumat sedia ada yang boleh dijadikan bahan rujukan untuk dikongsi bersama. Pembentangan pula boleh dilaksanakan samada secara formal atau tidak formal. Ababila budaya menulis telah menular dalam sistem politeknik, pengurusan boleh meneruskan agenda kepada pencapaian penulisan bahan ilmiah dan kajian dan seterusnya penulisan penyelidikan.

Bengkel Penulisan

Persoalan kedua yang sering timbul dikalangan pegawai adalah 'Bagaimana hendak menulis...?'. Keupayaan untuk menulis dan meyebarluaskan adalah satu anugerah. Tidak semua individu mempunyai kemahiran menulis apatah lagi berkongsi hasil penulisan dengan orang lain. Oleh yang demikian institusi perlu menyediakan peluang-peluang untuk menggalakan budaya menulis dan menerbit dikalangan pegawai-

pegawai di politeknik. Salah satu kaedah adalah dengan mengadakan bengkel-bengkel penulisan yang dibimbing oleh pakar. Bengkel-bengkel penulisan juga boleh digunakan untuk memberikan pendedahan, motivasi dan galakan kepada pegawai untuk menghasilkan manuskrip. Dengan menghadiri bengkel, pegawai-pegawai dapat mengetahui teknik-teknik menulis, bertanya-tanya dan bertukar-tukar pandangan dengan rakan yang lain. Disamping itu, mereka dapat mendengar saranan pakar ataupun orang lain yang berpengalaman dalam penulisan. Bengkel penulisan perlu dipelbagaikan kepada penulisan buku, kertas kerja, penulisan hasil penyelidikan atau kajian, penulisan artikel, penulisan jurnal ilmiah dan penulisan laporan teknikal.

Ruang Masa

Masa adalah antara halangan utama kepada pensyarah untuk menulis. Dengan beban waktu mengajar, tugas-tugas sampingan yang lain dan aktiviti-aktiviti utama politeknik dan jabatan, pensyarah tidak dapat menumpuan aktiviti penulisan yang memerlukan komitmen yang tinggi. Halangan ini perlu di tangani oleh politeknik. Ruang masa perlu disediakan untuk pensyarah melaksanakan aktiviti penulisan. Cuti semester sewajarnya dimanfaatkan untuk aktiviti ilmiah ini, dan mengurangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan perlu bijak dalam menangani isu ini, kelemahan dan kelebihan individu perlu diambil kira. Sesetengah individu mempunyai kemahiran menulis dan dapat menghasilkan manuskrip dalam jangka waktu yang singkat, ada pula individu yang mengambil masa yang panjang untuk menyiapkan kertas kerja. Skop, topik dan jenis penulisan juga memainkan peranan masa. Kajian dan penyelidikan yang mendalam dan tinggi memerlukan pensyarah memberikan fokus yang lebih kepada aktiviti penyelidikan tersebut lebih daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Ruang Penerbitan dan Pembentangan

Untuk menggalakan usaha penerbitan di politeknik, pihak institusi perlu mencipta

ruang kepada pegawai-pegawai untuk menulis artikel. Institusi boleh menerbitkan buletin-buletin ilmiah politeknik sendiri supaya pegawai-pegawai mempunyai tempat untuk memperkenalkan hasil tulisan mereka. Institusi juga boleh mengambil inisiatif

membuat kompilasi artikel-artikel yang telah ditulis oleh pegawai dan menjadikannya rujukan utama kepada pegawai-pegawai yang baru. Institusi juga boleh memainkan peranan sebagai penyumbang hasil idea yang boleh dikongsi bersama dengan mengedarkan buletin tersebut kepada politeknik-politeknik lain.

Ruang untuk pembentangan juga boleh disediakan dengan mengadakan seminar dan pembentangan kertas kerja diperingkat jabatan dan peringkat politeknik. Seminar-seminar ini perlu dirancang mengikut perancangan takwim aktiviti politeknik supaya iannya tidak bercanggah dengan aktiviti-aktiviti utama politeknik. Perancangan takwim tahunan untuk seminar atau pembentangan juga perlu supaya pegawai lebih bersedia dan boleh memilih untuk membentangkan kertas kerja mengikut kesesuaian masa dan audiens. Usaha sama di antara politeknik-politeknik juga boleh digarap untuk memberikan ruang pembentangan di peringkat zon dan peringkat kebangsaan.

Memperkasa Perpustakaan

Untuk membudayakan penulisan dikalangan pegawai, perpustakaan sebagai salah satu lambang kecemerlangan bagi institusi perlu diperkasa dan dipertingkatkan lagi fungsi dengan sewajarnya. Prasarana perpustakaan yang lengkap perlu dibangunkan bagi menyokong keperluan penulisan dan penyelidikan politeknik. Ianya harus menawarkan capaian kepada sumber elektronik seperti e-jurnal, pangkalan data, indeks sitiran (citation indexes) dan perisian pengurusan bibliografi. Disamping itu, ia perlu membina dan membangunkan koleksi untuk menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di politeknik. Selain daripada mengukuh dan memantapkan koleksi sedia ada, perpustakaan perlu mengukuhkan koleksi penyelidikan dalam bidang-bidang yang ditawarkan di politeknik. Ia juga boleh mengumpul koleksi bahan-bahan pengajaran dan bahan-bahan

terbitan dalaman politeknik. Semua usaha tersebut akan memudahkan pelajar dan pegawai atau individu dari luar untuk membuat rujukan dan carian akademik serta maklumat.

Pemantapan penulisan adalah terhasil daripada proses pembacaan yang komprehensif, oleh yang demikian perpustakaan perlu juga mempergiatkan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan proses menginstitusikan budaya membaca dikalangan warga politeknik. Selain daripada kempen membaca, kempen penulisan juga boleh dilaksanakan untuk menggalakkan budaya membaca dan sekali gus budaya menulis. Salah satu inisiatif yang boleh dilakukan adalah mengadakan aktiviti reviu buku-buku dari koleksi sedia ada atau buku yang baru diterima oleh perpustakaan.

Satu peranan baru yang perlu dipikul oleh perpustakaan adalah tanggung jawab untuk mengembang dan menyebarkan ilmu pengetahuan melalui penerbitan buletin, buku, modul dan bahan-bahan pengajaran, usaha-usaha mempromosi bahan terbitan tersebut perlu dilaksanakan oleh perpustakaan supaya ilmu itu keluar daripada perpustakaan serta boleh diguna pakai dan di manfaatkan oleh semua kakitangan dan pelajar.

IV. CONCLUSION

Penerbitan dan pembentangan kertas kerja adalah satu fenomena baru yang menuntut satu perubahan yang besar dalam sistem politeknik. Ianya memerlukan satu lonjakan paradigma kepada semua PPPT yang begitu selasa dengan keadaan sedia ada. Apabila ianya dituntut di dalam kriteria kecemerlangan kenaikan pangkat, ianya telah menimbulkan satu kejutan budaya dan konflik institusi. Persoalan yang timbul adalah sejauh manakah kriteria tersebut membantu meningkatkan prestasi pegawai-pegawai dalam usaha politeknik mencapai kecemerlangan.

Berdasarkan analisa yang dibuat melalui pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan tinjauan literatur, impak penerbitan dan pembentangan ke atas prestasi

SEJAUH MANAKAH PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DAPAT MEMBANTU MENINGKATKAN PRESTASI PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI (PPPT) DAN CADANGAN STRATEGI YANG BOLEH DILAKSANAKAN BAGI MEMANTAPKAN ASPEK PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS KERJA DI KALANGAN PPPT

pegawai boleh dilihat dari dua aspek. Pertama, dari aspek penglibatan pegawai semasa proses penulisan sehingga penerbitan dan pembentang dan kedua adalah dari aspek hasil dapatan kertas kerja tersebut. Kedua-dua aspek tersebut menunjukkan bahawa penerbitan dan pembentangan kertas kerja meningkat ciri-ciri profesionalisme pegawai. Ciri-ciri profesionalisme amat berkait rapat dengan prestasi individu, peningkatan ciri-ciri profesionalisme mencerminkan peningkatan prestasi individu. Ciri-ciri profesionalisme yang ditingkatkan semasa proses penerbitan adalah peningkatan keyakinan diri, kompetensi, ilmu, pemikiran kritis dan kreatif dan kemahiran berkomunikasi. Manakala impak positif ke atas prestasi pegawai daripada dapatan kertas kerja adalah percambahan ilmu, penambahbaikan ke atas sistem sedia ada, membuat keputusan berlandaskan ilmu, visibiliti institusi dan kepuasan diri.

Walaupun penerbitan dan pembentangan kertas kerja memberikan impak yang besar kepada kewujudan institusi, membudayanya pula memerlukan satu pendekatan yang sangat teliti dan strategi yang betul supaya tidak berlaku penolakan yang akan menimbulkan konflik di dalam organisasi dan mengugat sistem sedia ada. Pada fasa perlentakan asas ini, institusi perlu bertindak sebagai pemudah cara dengan menyediakan ruang dan peluang untuk menyemai dan menggalakkan budaya menulis dan menerbit di kalangan pegawai-pegawai di politeknik. Diantara cadanga-cadangan strategik yang boleh dilaksanakan adalah menonjolkan kejayaan jangka pendek (Quick Wins), mengadakan bengkel penulisan, mengadakan ruang masa dan ruang penerbitan dan pembentangan dan akhir sekali memperkasa perpustakaan.

V. References

- Ghazally Ismail (2009), “Bantu UKM Tingkatkan Visibiliti Melalui Penerbitan”, *Buletin CRIM*, Bil. 028.. ISSN 1675 -1108.. April - Jun 2009.
- Guskey, T. R. (2000). Evaluating professional development. Thousand Oaks, CA: CorwinPress.
- Hairul Nizam Mat Hussein (2009), “Penulisan Ilmiah Berdasarkan Manhaj Al-Azhar Al-Syarif”, Kertas kerja, dibentangkan di Bengkel Penulisan Ilmiah anjuran Manhal PMRAM, Rumah Selangor, Kaherah, Feb.
- Knowles, M. S. (1990) *The Adult Learner. A neglected species.* Houston: Gulf Publishing.
- Kotter, J.P. (1990), *A Force for Change: How Leadership Differs from Management*, The Free Press, New York, NY.
- Schon, D. A. (1987). *Educating the reflective practitioner: Towards a new design for teaching and learning* in the. San Francisco: Jossey-Bass.
- Richardson, P. and Parker, R.S. (1992) “Does Research Enhance or Inhibit Teaching? An exploratory study”, *Journal of Education for Business*, Vol.68 No. 2, pp. 79-84.
- Richert, A. E. (1990). “Teaching teachers to reflect: A consideration of programme structure”, *Journal of Curriculum Studies*, 22, 509-527.
- Tan Hui Leng (2007), “Continual Professional Development of Teachers: A Smart Strategy for Excellence in the Classroom”, Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.

